

e-ISSN: 2976-2596
Edisi Jul-Sep 2022

KUALITI



InQKA
*Tidak mahu jadi
jaguh kampung*
Prof. Dr. Azizah Abdullah

eISSN 2976-2596



9 772976 259003

Bengkel Penilaian Kecemerlangan Operasi (OE) UiTM

Penulis: Unit SKKO
Jurugambar: Unit SKKO



Unit nQKA telah melaksanakan Bengkel Penilaian Kecemerlangan Operasi (OE) pada 20 & 21 Julai 2022 bagi tujuan penambahbaikan dan pemantapan proses sedia ada di PTJ seluruh UiTM. Penilaian hasil penambahbaikan dijalankan oleh panel yang dilantik dan penilaian akhir serta keputusan penerima Anugerah Kecemerlangan Operasi diadili oleh Naib Canselor UiTM.

Penganjuran Simposium Kecemerlangan Operasi telah mengiktiraf hasil penambahbaikan proses yang menjurus kepada penjimatan kos, masa, sumber manusia serta peningkatan kepuasan hati pelanggan dan pengurangan bilangan aduan.

Bengkel Penilaian Kecemerlangan Operasi UiTM diadakan bagi mencapai objektif berikut:

- Menilai proses-proses kerja yang telah ditambahbaik oleh PTJ berdasarkan rubrik yang telah dikenal pasti.
- Mendapatkan input daripada panel yang telah dikenal pasti mengenai proses kerja yang terbaik dan boleh digunakan di seluruh UiTM.
- Mengenal pasti proses kerja yang dilaksanakan merentas PTJ.
- Menghasilkan model penilaian kecemerlangan operasi yang lebih jelas dalam aspek pengurusan akademik dan pengurusan universiti.





Bagi menilai hasil penambahbaikan, beberapa kriteria penilaian telah dikenal pasti seperti berikut:

- Perancangan dan Inisiatif (30%)
- *Outcome* OE (50%)
- Impak (20%)
- Kecemerlangan dan Keseragaman Proses (Bonus 10%)

PTJ yang melaksanakan penambahbaikan proses terbaik berdasarkan kategori berikut diberikan pengiktirafan semasa Simposium Kecemerlangan Operasi yang diadakan pada 9 November 2022.

- Tiga (3) pemenang kategori Pengurusan Akademik
- Tiga (3) pemenang kategori Pengurusan Pentadbiran
- Satu (1) pemenang kategori Pengurusan Kewangan (tertakluk kepada penilaian panel kerana hanya satu (1) proses kerja yang akan dinilai).
- Satu (1) pemenang yang menunjukkan penambahbaikan proses kerja terbaik



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

© 2022. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam



ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor



@inqkautm



inqka@uitm.edu.my